



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Mengenai Keraian Rasmi**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>MAJLIS RASMI KERAJAAN .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 5.1/2013 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Peraturan Baru.....</b>	<b>2</b>
<b>3. Perkara-Perkara Am .....</b>	<b>3</b>

## MAJLIS RASMI KERAJAAN

### WP 5.1/2013 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi

#### 1. Tujuan

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan-peraturan baru bagi Keraian Rasmi yang boleh dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan.

#### 2. Peraturan Baru

2.1 Kerajaan bersetuju menetapkan peraturan-peraturan bagi Keraian Rasmi seperti berikut:

2.1.1 Keraian rasmi boleh diadakan **hanya** bagi aktiviti berikut:

- (a) semasa persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan;
- (b) untuk meraikan pelawat iaitu orang kenamaan atau rombongan rasmi daripada luar Malaysia atau dalam negeri yang wajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan;
- (c) semasa pelancaran atau pembukaan rasmi sesuatu projek, seminar, kursus dan taklimat oleh Kementerian atau Jabatan; dan
- (d) semasa diadakan mesyuarat Kementerian/ Jabatan dipengerusikan oleh YB. Menteri/YB. Timbalan Menteri/Ketua Setiausaha Kementerian seperti:
  - (i) mesyuarat bulanan antara Ketua Setiausaha dengan Ketua Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian berkenaan;
  - (ii) mesyuarat pertama Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan yang baru dilantik dengan Ketua-ketua Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian berkenaan; dan
  - (iii) mesyuarat tahunan/berkala Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dengan Pengarah-Pengarah Negerinya.

2.1.2 Keraian bagi aktiviti selain yang dinyatakan hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan khas Perbendaharaan.

2.1.3 Hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan.

## 2.2 Kadar-kadar Keraian Rasmi:

- 2.2.1 Perbelanjaan maksimum bagi majlis Keraian Rasmi sepanjang hari termasuk bayaran minuman adalah ditetapkan pada kadar RM123 seorang untuk sehari. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan garis panduan dalaman sendiri bagi pembahagian kadar tersebut yang munasabah untuk jamuan ringan, makan tengah hari dan makan malam.
- 2.2.2 Bayaran Perkhidmatan, Cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan.

## 3. Perkara-Perkara Am

- 3.1 Untuk menjimatkan perbelanjaan, Pegawai-pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya membuat perancangan yang rapi bagi mengadakan Keraian Rasmi seperti berikut:
  - 3.1.1 kekerapan mengadakan Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti-aktiviti rasmi yang dianggap penting dan perlu sahaja berpandukan kepada syarat-syarat yang dijelaskan di perenggan 2.1.1 di atas;
  - 3.2.1 bilangan tetamu hendaklah dihadkan kepada mereka yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan tersebut sahaja;
  - 3.3.1 digalakkan mengatur jamuan Keraian Rasmi di Pejabat secara katering dengan hidangan masakan Melayu yang didapati lebih murah, kecuali yang melibatkan tetamu asing; dan
  - 3.4.1 membuat perancangan yang lebih awal untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi.